



KENYATAAN MEDIA

BULAN WAKAF KEBANGSAAN 2025: RAI KEJAYAAN DAN IMPAK POSITIF WAKAF MALAYSIA

Beri penekanan impak produk wakaf kepada masyarakat dan mengangkat wakaf Malaysia di peringkat global

Dalam usaha menyokong hasrat kerajaan menjadikan wakaf sebagai elemen penting dalam pemeraksanaan ekonomi rakyat, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) serta Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) terus menunjukkan komitmen dan inisiatif proaktif dalam meningkatkan kutipan wakaf tunai di Malaysia, di samping membangunkan lebih banyak projek wakaf yang memberi manfaat berpanjangan kepada masyarakat dan negara.

Diperkenalkan pada tahun 2021, Bulan Wakaf Kebangsaan bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan dan potensi wakaf dalam pembangunan sosioekonomi ummah. Ia juga berperanan membina ekosistem wakaf yang mampan, yang secara holistik menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat.

Dengan tema 'Wakaf Membangun Malaysia MADANI', pengisian aktiviti tahun ini memberi tumpuan kepada aspek penerimaan dan pengagihan dana wakaf. Kedua-dua aspek ini amat penting bagi meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap pengurusan dana wakaf yang diuruskan oleh YWM serta Majlis Agama Islam Negeri. Dari segi penerimaan dana wakaf, semua lapisan masyarakat, tanpa mengira latar belakang agama, boleh menyumbang kepada wakaf dan menerima manfaatnya.

Untuk tahun 2025, CIMB Islamic Bank Berhad - merupakan rakan strategik pembudayaan dan sosialisasi wakaf YWM - dan Kenanga Investors Berhad, rakan strategik pertama YWM dalam mencipta produk pelaburan berasaskan wakaf, dengan penuh rasa tanggungjawab menjadi rakan strategik dalam penganjuran Bulan Wakaf Kebangsaan 2025. Dengan kekuatan kedua-dua entiti ini, peranan wakaf dalam menjaga kemaslahatan ummah akan terus diperkukuh dan dipertingkatkan.

Sehingga kini, YWM telah mewujudkan pelbagai produk wakaf, bersandarkan kepada Maqasid Syariah dan menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) seperti Wakaf Masjid Hijau, Wakaf Air, Wakaf Halal PKS, myWaqafPTPTN, Program i-TEKAD CIMB Islamic Rider Entrepreneur. Bagi memudahkan masyarakat berwakaf, YWM telah mewujudkan pelbagai kaedah pewakafan seperti Sistem Wakaf Tunai Malaysia, penggunaan platform digital seperti GoBarakah dan InfaqPay.

Bagi produk pelaburan berasaskan wakaf pula, YWM telah menerima agihan pendapatan sebanyak RM458,000.00, di mana RM375,000.00 daripada BSN Dana Wakaf Al-Ikhlas, hasil kerjasama antara YWM dan Permodalan BSN Berhad dan RM83,000.00 daripada Dana Kenanga Waqf Al-Ihsan, kerjasama antara YWM dan Kenanga Investors Berhad.

Dalam usaha membawa wakaf Malaysia ke peringkat lebih tinggi, Waqf Exchange Traded Funds (ETF) telah diapungkan di Bursa Malaysia, yang merupakan produk inovasi wakaf pertama di dunia, menggabungkan elemen pelaburan dan kebajikan. Inisiatif hasil kerjasama Yayasan Waqaf Malaysia dan Eq8 Capital Sdn. Bhd. ini bakal menyalurkan 50% pendapatan pelaburan sebagai wakaf, manakala baki 50% diberikan kepada pelabur sebagai dividen.

Untuk makluman, setiap sumbangan wakaf di bawah Skim Wakaf Tunai Malaysia YWM adalah merupakan projek berkepentingan nasional, yang membolehkan setiap pewakafan tunai kepada YWM layak mendapat potongan cukai di bawah Seksyen 44 (11C) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Kini bermula serendah RM1.00, anda boleh berwakaf secara potongan gaji di YWM atau salurkan sumbangan wakaf ke akaun Yayasan Waqaf Malaysia dengan mengimbas QR Duitnow di bawah,



-TAMAT-

**Yayasan Waqaf Malaysia
27 Februari 2025**

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

**Cik Haidatul Azia binti Husin
Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-3883395 | azia@ywm.gov.my**

**Encik Zulkurnain bin Hassan
Ketua Unit Integriti dan Komunikasi Korporat
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
018-394 9103 | zulkurnain@jawhar.gov.my**